

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Akaun Mata Wang Asing-i (FCA-i) anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapatkannya ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU AKAUN MATA WANG ASING-i (FCA-i)

Akaun Mata Wang Asing-i (FCA-i) ialah akaun deposit berlandaskan Syariah yang didenominasikan dalam mata wang asing. Ia berasaskan konsep *Qard* dan *Bai' Al-Sarf*.

"*Qard*" merujuk kepada kontrak peminjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada penerima pinjaman di mana pihak penerima pinjaman terikat untuk membayar balik jumlah pengganti yang setara kepada pemberi pinjaman.

"*Bai' al-Sarf*" merujuk kepada kontrak pertukaran wang bagi wang yang sama atau jenis yang berbeza. Produk ini membolehkan anda mendepositkan, menyimpan, dan membuat pembayaran dalam mata wang asing.

Akaun ini menyokong pelbagai mata wang asing utama sebagaimana yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Akaun deposit ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Tanggungjawab

- Pelanggan perlu membuka Akaun Semasa Ringgit Malaysia dengan pihak Bank bagi tujuan memudahkan transaksi dalam Ringgit Malaysia.
- Pelanggan hendaklah memastikan pematuan terhadap semua keperluan di bawah Polisi Pertukaran Asing (FEP) Bank Negara Malaysia (BNM).
- Pengeluaran wang kertas dan syiling dalam mata wang asing adalah tidak dibenarkan.
- Pelanggan hendaklah memaklumkan kepada Bank mengenai sebarang perubahan pada penandatanganan yang dibenarkan.

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Segera hubungi kami jika anda mengalami sebarang kesukaran dengan akaun yang telah dibuka.

Ciri-Ciri Produk

- Pihak Bank menawarkan dua (2) jenis FCA-i:
 - Akaun Mata Wang Asing Perdagangan (Trade FCA)
 - Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (Investment FCA)
- Jumlah deposit permulaan ialah 500 unit bagi setiap matawang kecuali matawang Jepun (Japanese Yen) yang memerlukan JPY5,000.
- Tiada had transaksi harian. (Tertakluk kepada keperluan Polisi Pertukaran Asing (FEP) BNM serta pemeriksaan AML/CFT)
- Had baki semalaman dalam FCA-i adalah tertakluk kepada polisi dalaman Bank serta Notis Polisi Pertukaran Asing (FEP) Bank Negara Malaysia yang berkuat kuasa, atau sebarang arahan lain yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa.
- Hibah pada masa ini tidak ditawarkan untuk FCA-i. Sekiranya Bank memutuskan untuk memberikan hibah pada masa hadapan, ia adalah sepenuhnya atas budi bicara Bank. Hibah diberikan kepada pelanggan atas budi bicara pihak Bank. Hibah bermaksud pemberian pemilikan sesuatu barang kepada seseorang tanpa sebarang balasan.

Pengiraan Hibah:

Sekiranya hibah diberikan, ia akan dikira menggunakan formula berikut:

(Baki Penutup Harian × Kadar Hibah) ÷ 365 @ 366 (Bagi tahun lompat)

*Nota: Jumlah yang diperoleh akan dibundarkan kepada dua tempat perpuluhan

- Pihak Bank akan menyediakan penyata bulanan bagi FCA-i apabila terdapat transaksi. Jika tiada sebarang transaksi, penyata akan disediakan sekurang-kurangnya secara suku tahunan.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Fi dan Caj

Jenis	Amaun
Yuran penyelenggaraan akaun setiap enam bulan	RM 30

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- *Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

4 TERMA UTAMA LAIN

Apakah risiko utama? Anda terdedah kepada risiko kadar pertukaran asing. Nilai baki mata wang asing anda boleh meningkat atau menurun mengikut pergerakan kadar pertukaran. Jika kadar pertukaran bergerak tidak memihak kepada anda, nilai dana anda mungkin menjadi lebih rendah apabila ditukar kepada Ringgit Malaysia.	Sila baca Terma & Syarat produk ini.
--	---

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Akaun Mata Wang Asing-i (FCA-i), anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Akaun Mata Wang Asing-i \(FCA-i\)](#)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:

Tarikh:

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah berkuatkuasa: **1 Januari 2026**